

## **KANDUNGAN**


**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.8 HINGGA NO.68 )**

16 MAR 2016

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**SOALAN NO: 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**TARIKH: 16 MAC 2016**

**SOALAN:**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-**

- (a) mengapa masih terdapat 200,000 siswazah berijazah pengajian tinggi (IPT) yang dilaporkan masih gagal mendapatkan pekerjaan walaupun telah menamatkan pengajian sejak 2 tahun yang lalu; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk mengurangkan kadar penganguran di Malaysia.

**PR-1341-L72639**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa berusaha untuk membantu pencari kerja terutamanya golongan siswazah untuk mendapatkan pekerjaan apabila mereka menamatkan pengajian. Tempoh untuk mereka mendapatkan pekerjaan bergantung kepada kekosongan jawatan yang wujud dalam ekonomi negara. KSM melalui JTK akan terus membantu pencari kerja dengan menggalakkan mereka mendaftarkan dengan Portal *JobsMalaysia* bagi mencari peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan di dalam portal tersebut. Melalui perkhidmatan ini, pencari kerja-pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut pilihan jawatan, pengalaman dan kelayakan akademik mereka. Dalam masa yang sama JTK akan berterusan mengadakan aktiviti Lawatan Keperluan Gunatenaga bagi mengesan kekosongan jawatan yang wujud dalam Negara dan seterusnya menyalurkan maklumat ini kepada pencari kerja.
  
2. Berdasarkan statistik, pada 15 Mac 2016 seramai 155,295 orang siswazah telah berdaftar dalam Portal *JobsMalaysia* sebagai pencari kerja. Dari jumlah tersebut, seramai 81,558 adalah siswazah yang masih belum bekerja, 6,907 adalah siswazah yang bekerja

sendiri dan 66,830 adalah siswazah yang sudah bekerja tetapi ingin mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

3. Bagi meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran sesetengah siswazah terutamanya yang mempunyai beberapa kelemahan tertentu, JTK telah melaksanakan aktiviti Program Penyesuaian Kerjaya dimana siswazah akan diperkenalkan dengan modul-modul ujian personaliti, Tips Menghadiri Temuduga, Penulisan Resume Berkesan, Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Kerjaya. Modul-modul ini terutamanya Tips Menghadiri Temuduga dan Penulisan Resume Berkesan sedikit sebanyak telah berjaya membantu para pencari kerja berjaya dalam proses temuduga.
4. Program-program lain juga akan terus dilaksanakan oleh pihak Kementerian pada tahun 2016 bagi membantu pencari kerja-pencari kerja dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Komitmen ini dizahirkan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) dengan melibatkan beberapa aktiviti khusus seperti karnival kerjaya, temuduga terbuka, kembara kerjaya, kerjasama dengan agensi lain, *Holiday Placement For Students* dan Program Penyesuaian Kerjaya.
6. Kementerian melalui JTK juga mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Skim Latihan 1 Malaysia (SLIM) di bawah Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). JTK juga membantu program-program lain yang melibatkan siswazah seperti Program *Talent Corporation* dan *Graduate Employability*

*Scheme (GEMS) yang dikendalikan bersama oleh Talent Corp dan Kementerian Pengajian Tinggi.*